



**UPM**  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
BERILMU BERBAKTI

**PUTRA**  
PERTANIAN UNTUK RAKYAT

# MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI KALI KE-61

## **AGENDA 5 : LAPORAN AUDIT SISTEM PENGURUSAN KUALITI (QMS) & SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)**

18 DISEMBER 2024 | 2.30 PETANG | DEWAN SENAT, BANGUNAN  
CANSELORI PUTRA

**Berilmu Berbakti** Pertanian • Inovasi • Kehidupan





## FOKUS PELAPORAN:




Memaklumkan Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti  
UPM Kali ke-61 berhubung:

**1** PELAKSANAAN AUDIT SIRIM TAHUN  
2024

**2** STATUS MAKLUM BALAS PENEMUAN  
AUDIT DALAMAN QMS DAN ISMS  
TAHUN 2024

**3** STATUS PENUTUPAN PENEMUAN  
AUDIT DALAMAN QMS DAN ISMS  
TAHUN 2023

# 1 PELAKSANAAN AUDIT PENSIJILAN SEMULA QMS & ISMS TAHUN 2024



UPM telah **berjaya melepasi audit** dan laporan telah dibentangkan oleh Ketua Pasukan Audit SIRIM QMS dan ISMS semasa Mesyuarat Penutupan pada 23 Oktober 2024 yang lepas dengan syor seperti berikut:

1. Disyorkan untuk diteruskan pensijilan \*tanpa pindaan untuk ISO/IEC 27001:2013 ISMS
2. Disyorkan untuk diteruskan pensijilan \*dengan pindaan untuk ISO 9001:2015 QMS. Penambahan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah (HSAAS) di dalam skop pensijilan.

Laporan penuh audit telah diedarkan melalui eISO pada 25 Oktober 2024 dan INFO UPM pada 28 Oktober 2024.

- Permohonan pelan tindakan NCR dari PTJ terlibat telah diemel pada 11 November 2024.
  - Bengkel Pemurnian Pelan Tindakan Penemuan Laporan Ketakakuran Audit SIRIM telah diadakan pada 22 November 2024.
  - Tarikh penghantaran bukti tindakan ke SIRIM – selewat-lewatnya 22 Januari 2024.
- Permohonan pelan tindakan OFI dari PTJ terlibat telah diemel pada 30 Oktober 2024.
  - Maklum balas tindakan OFI audit SIRIM perlu dihantar ke CQA selewat-lewatnya pada 13 Disember 2024, manakala bukti pelaksanaan tindakan OFI dihantar selewat-lewatnya berakhir sukuan kedua iaitu 31 Mac 2024.
  - Keberkesanan tindakan OFI audit SIRIM akan disemak oleh pihak Badan Pensijilan semasa Audit Pemantauan 1 pada tahun 2025.
  - Bengkel bersama peneraju akan dilaksanakan pada tahun 2025 bagi menyemak Pelan Tindakan yang dikemukakan oleh PTJ.



**Tahniah** kepada semua warga UPM dalam memastikan Sistem Pengurusan Kualiti dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat di UPM dalam keadaan yang baik dan **mematuhi keperluan** yang ditetapkan sebagaimana **Standard MS ISO 9001:2015 dan MS ISO/IEC 27001:2013.**



# Analisis Penemuan

## QMS (NCR + OFI)

| Bil. | Klausa                 | Bilangan Penemuan |
|------|------------------------|-------------------|
| 1.   | 6 (Perancangan)        | 2                 |
| 2.   | 7 (Sokongan)           | 6                 |
| 3.   | 8 (Operasi)            | 9                 |
| 4.   | 9 (Penilaian Prestasi) | 3                 |
| 5.   | 10 (Penambahbaikan)    | 1                 |
|      | Jumlah                 | <b>21</b>         |

## ISMS (OFI)

| Bil. | Klausa        |                                         | Bilangan Penemuan |
|------|---------------|-----------------------------------------|-------------------|
| 1.   | 8.1           | Perancangan dan Kawalan Operasi         | 1                 |
| 2.   | 8.1 - A.8.2.3 | Pengendalian Aset                       | 1                 |
| 3.   | A.9.2.6       | Penyingkiran atau Pelarasan Hak Akses   | 1                 |
| 4.   | A.11.2.4      | Penyenggaraan Peralatan                 | 1                 |
| 5.   | 8.2           | Pentaksiran Risiko Keselamatan Maklumat | 1                 |
| 6.   | 8.3           | Penguraian Risiko Keselamatan Maklumat  | 1                 |
|      | Jumlah        |                                         | <b>6</b>          |

**Perincian NCR**

**Requirement:** MS ISO 9001:2015 - Klausa 8.5.1 - Kawalan penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan

Organisasi hendaklah melaksanakan penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan dalam keadaan terkawal.

- c) pelaksanaan aktiviti pemantauan dan pengukuran pada tahap yang sesuai untuk menentusahkan bahawa kriteria kawalan proses atau output, dan kriteria penerimaan produk dan perkhidmatan telah dipenuhi;
- g) pelaksanaan tindakan bagi mencegah kesilapan manusia;

**Finding:** Organisasi tidak menjalankan penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan di bawah keadaan terkawal. Didapati kesilapan dalam conversion markah Peperiksaan Akhir (40%) yang dilaporkan dalam eSMP keputusan akhir bagi kesemua pelajar dari kumpulan ini, di mana terdapat perbezaan dalam markah yang dilaporkan dengan markah yang dikira semasa audit.

**Objective evidence:** Program: Bachelor Sains Pengurusan Perkhidmatan Makanan Subject code - FSM 3304 - Sem 1 2023/2024

Student ID: 224616, 223030 etc.

**Punca:**

1. Pensyarah tidak tahu jumlah markah penuh penilaian boleh dipinda dalam eSMP yang akan ditukar (convert) secara automatik; dan
2. Kaedah pengiraan markah secara manual.

**Pembetulan:**

Mendapatkan keputusan Jawatankuasa Semakan Senat berkenaan semakan gred pelajar. Sebarang keputusan tidak akan menjejaskan mana-mana pihak.

**Pelan Tindakan Pembetulan:**

1. Latihan kepada semua pensyarah berkaitan Sistem eSMP; dan
2. Membuat arahan kepada semua pensyarah supaya menggunakan kaedah yang bersesuaian bagi memastikan pengiraan markah penilaian betul dan tepat.

Tarikh Pelaksanaan: 15 Januari 2025



| NIRIM QMS INTERNATIONAL SEM 0001                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |                            |                              |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------|------------------------------|
| File No.: 2016010014                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | NONCONFORMITY REPORT (NCR) | NCR No.: NCR-0000014-1       |
| Audit Type: Recertification Audit                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     | Classification: Minor      | Last audit date: 25-Oct-2024 |
| Standard Name: ISO 9001:2015                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |                            |                              |
| Page 1 of 2                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |                            |                              |
| Client: UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |                            |                              |
| Section 1: Details of nonconformity                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |                            |                              |
| Requirement:                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |                            |                              |
| MS ISO 9001:2015 - Klausa 8.5.1 - Kawalan penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan                                                                                                                                                                                                                                                                     |                            |                              |
| Organisasi hendaklah melaksanakan penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan dalam keadaan terkawal.                                                                                                                                                                                                                                                     |                            |                              |
| Condition: aktiviti pemantauan dan pengukuran pada tahap yang sesuai untuk menentusahkan bahawa kriteria kawalan proses atau output, dan kriteria penerimaan produk dan perkhidmatan telah dipenuhi;                                                                                                                                                  |                            |                              |
| g) pelaksanaan tindakan bagi mencegah kesilapan manusia.                                                                                                                                                                                                                                                                                              |                            |                              |
| Finding:                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |                            |                              |
| Organisasi tidak menjalankan penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan di bawah keadaan terkawal. Didapati kesilapan dalam conversion markah Peperiksaan Akhir (40%) yang dilaporkan dalam eSMP keputusan akhir bagi kesemua pelajar dari kumpulan ini, di mana terdapat perbezaan dalam markah yang dilaporkan dengan markah yang dikira semasa audit. |                            |                              |
| Objective evidence:                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |                            |                              |
| Program: Bachelor Sains Pengurusan Perkhidmatan Makanan                                                                                                                                                                                                                                                                                               |                            |                              |
| Subject code: FSM 3304 - Sem 1 2023/2024                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |                            |                              |
| Student ID: 224616, 223030 etc.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |                            |                              |
| Justification for NCR entry:                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |                            |                              |
| Auditor: [Name]                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |                            |                              |
| Client Representative:                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |                            |                              |
| Section 2: Detail of investigation and determination of root cause                                                                                                                                                                                                                                                                                    |                            |                              |
| Client Representative:                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |                            |                              |

| NO. OFI | KLAUSA | PENYATAAN OFI                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 | PTJ                             |
|---------|--------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------|
| OFI-1   | 10.1   | <p>Penambahbaikan</p> <p>Punca ketidakcapaian piagam pelanggan dan tindakan pembetulan dari peneraju proses sokongan ada dilaporkan semasa MKSP. Namun begitu, audit mendapati terdapat, tindakan pembetulan yang belum dikenalpasti iaitu bagi piagam pelanggan yang tidak dicapai, yang diterajui Pejabat Penasihat Undang-Undang.</p> <p>sample Piagam Pelanggan 1: Memberikan khidmat nasihat undang-undang secara bertulis dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan dokumen lengkap dari Pusat Tanggungjawab bagi isu undang-undang yang dirujuk.</p> | Pejabat Penasihat Undang-undang |
| OFI-2   | 6.1.2  | <p>Tindakan menyatakan risiko dan peluang</p> <p>Organisasi telah merancang tindakan yang baik untuk menangani risiko dan peluang. Namun, semakan audit di PUTRA Science Park mendapati terdapat ruang untuk penambahbaikan dalam senarai risiko yang didaftarkan, khususnya berkaitan risiko yang berpunca daripada isu luaran dan dalaman.</p>                                                                                                                                                                                                              | Putra Science Park              |
| OFI-3   | 7.1.5  | <p>Sumber pemantauan dan pengukuran</p> <p>Penyelenggaraan dan kebersihan infrastruktur untuk latihan di bawah Jabatan Pendaftar telah dilaksanakan dengan baik. Namun, semakan audit mendapati ruang untuk penambahbaikan dengan mewujudkan dokumen rekod peralatan di lokasi tertentu bagi memastikan pemantauan keluar masuk dan ketersediaan barang lebih sistematik untuk aktiviti akan datang.</p> <p>Bukti:<br/>Dewan Taklimat Serdang dan Foyer Dewan Taklimat Serdang di Zon Abu Bakar As Siddiq</p>                                                 | Pejabat Pendaftar               |
| OFI-4   | 8.1    | <p>Perancangan dan kawalan operasi</p> <p>Pelaporan bagi keseluruhan acara yang telah dilaksanakan boleh ditambah baik dengan menyediakan ruangan bagi tujuan pengesahan dan juga tarikh laporan dikeluarkan supaya pelaksanaannya lebih baik.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | Akademi Sukan                   |
| OFI-5   | 8.5.1  | <p>Kawalan penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan</p> <p>Rubrik bagi penilaian markah kerja kursus atau tugas pelajar telah diwujudkan. Namun, penambahbaikan boleh dilaksanakan dengan menyatakan dengan lebih jelas pemberat pembahagian markah bagi setiap jawapan yang diberikan oleh pelajar.</p>                                                                                                                                                                                                                                                       | Fakulti Pertanian               |

| NO. OFI | KLAUSA | PENYATAAN OFI                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   | PTJ                                                 |
|---------|--------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------|
| OFI-6   | 9.1.2  | <b>Kepuasan pelanggan</b><br><br>Aduan pelanggan telah dikendalikan dengan baik oleh pihak kolej iaitu menetapkan tempoh penyelesaian dalam 2 hari bekerja. Namun, penambahbaikan boleh dilakukan dengan memastikan sebarang aduan yang melebihi tempoh yang ditetapkan disertakan dengan sebab, agar tindakan susulan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.                                                                                                                | Kolej Tun Dr. Ismail (KTDI)                         |
| OFI-7   | 8.5.1  | 1. Pengendalian Latihan Industri telah pun dilaksanakan dengan berkesan. Walaubagaimanapun rubrik penilaian yang jelas boleh dikenalpasti bagi komponen penilaian laporan LI (10%).                                                                                                                                                                                                                                                                                             | Fakulti Sains dan Teknologi Makanan                 |
|         |        | 2. Keperluan prasyarat boleh ditentukan dengan jelas. Didapati subjek FMO4902 telah pun dijalankan pada semester ke-7 tanpa memenuhi prasyarat FMO4901.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         | Fakulti Sains dan Teknologi Makanan                 |
|         |        | 3. Borang Penilaian Industri yang dihantar oleh pihak industri boleh dicop dengan jelas.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | Fakulti Sains dan Teknologi Makanan                 |
| OFI-8   | 7.5.3  | <b>Kawalan maklumat didokumentasikan</b><br><br>Kehadiran bagi setiap sesi latihan direkodkan melalui sistem PutraPresence. Walau bagaimanapun, aktiviti pengesahan kehadiran yang dijana oleh sistem tersebut bolehlah dipaparkan.                                                                                                                                                                                                                                             | Universiti Putra Malaysia<br>Kampus Bintulu (UPMKB) |
| OFI-9   | 7.1.3  | <b>Prasarana</b><br><br>Fasiliti bagi kegunaan tenaga pengajar dan pelajar seperti makmal komputer and perpustakaan telah dilengkapi dengan peti pertolongan cemas. Namun begitu, pihak UPMKB bolehlah mempamerkan aktiviti semakan ke atas barangan didalam peti pertolongan cemas tersebut.                                                                                                                                                                                   | Universiti Putra Malaysia<br>Kampus Bintulu (UPMKB) |
| OFI-10  | 7.1.3  | <b>Prasarana - Pusat Pertanian Putra</b><br><br>Semasa audit dibengkel kejuruteraan, didapati banyak kerosakan kenderaan yang telah direkodkan dalam borang kerosakkan / penyelenggaraan kenderaan (sejak Mac, April) yang masih belum dapat diperbaiki. Ini boleh menyebabkan operasi pertanian tergendala.<br><br>Di ladang ternakan haiwan (lembu) , pagar 'english fencing' dan 'cyclone fencing' boleh diperbaiki untuk mengelakkan dari dicerobohi binatang-binatang liar | Pusat Pertanian Putra                               |



**UPM**  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
BERILMU BERBAKTI

**PUTRA**  
PERTANIAN UNTUK RAKYAT

| NO. OFI | KLAUSA | PENYATAAN OFI                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          | PTJ                                              |
|---------|--------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------|
| OFI-11  | 8.5.1  | <p><b>Kawalan pemberian perkhidmatan - Pusat Pertanian Putra</b></p> <p>Penggunaan minyak diesel telah direkodkan dalam borang keluar/masuk jumlah diesel, walaubagaimanapun, pengrekodan penggunaan keluar diesel , masih belum jelas di rekodkan pada borang tersebut</p>                                                                                                                                                                                                                                                            | Pusat Pertanian Putra                            |
| OFI-12  | 7.5    | <p><b>Dokumentasi - Institut Penyelidikan dan Produk Halal</b></p> <p>Salinan keputusan 'Turnitin' tesis pelajar-pelajar pasca siswazah dan Progress report (GS 11) boleh juga disimpan dalam fail pelajar-pelajar tersebut bagi tujuan simpanan rekod</p>                                                                                                                                                                                                                                                                             | Institut Penyelidikan dan Produk Halal           |
| OFI-13  | 8.5.1  | <p><b>Kawalan penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan</b></p> <p>Proses kerja berkaitan pelantikan penilai ketiga bagi pemarkahan laporan disertasi/projek fyp telah dilaksanakan dengan baik. Namun penambahbaikan boleh dilakukan dengan pembangunan garis panduan bagi proses berkenaan agar pelaksanaannya lebih selaras.</p>                                                                                                                                                                                                      | Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul (FBSB) |
| OFI-14  | 8.5.2  | <p><b>Pengenalpastian dan kebolehesanan</b></p> <p>Makmal Eco-RemTech telah menjalankan pemantauan terhadap penggunaan mesin makmal oleh pelajar seperti incubator shaker bagi tujuan penyelidikan melalui system QR code. Namun, penambahbaikan boleh dilakukan dengan meletakkan notis/nota pemberitahuan yang lengkap (termasuk nama pelajar, tarikh, masa penggunaan dan lain-lain) semasa penggunaan mesin makmal tersebut bagi mengelakkan proses penyelidikan terganggu atau kerosakan pada sampel atau bahan penyelidikan.</p> | Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul (FBSB) |
| OFI-15  | 6.1    | <p><b>PERANCANGAN / TINDAKAN MENYATAKAN RISIKO DAN PELUANG</b></p> <p>Daftar risiko dan peluang organisasi dikaji semula dua kali setahun yakni pada bulan Jun dan Disember. Daftar risiko dan peluang yang sedia ada masa kini boleh ditambah baik ketika dikaji semula dengan :-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>mengambil kira risiko penempatan felo lelaki di blok kediaman perempuan dan felo wanita di blok asrama lelaki (Kolej Sultan Alaeddin Sulaiman Shah), serta</li> </ul>                                    | Kolej Sultan Alaeddin Sulaiman Shah              |

# 1 LAPORAN AUDIT SIRIM QMS TAHUN 2024

| NO. OFI | KLAUSA         | PENYATAAN OFI                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     | PTJ                                          |
|---------|----------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------|
| OFI-16  | 9.1.3          | <b>PENILAIAN PRESTASI / ANALISIS DAN PENILAIAN</b><br><br>Penilaian prestasi masa kini didapati lebih bertumpu kepada analisa tahun semasa. Proses ini boleh ditambah baik dengan memperluaskan analisa dengan pendekatan 'Trend Analysis' untuk memantapkan aktiviti pemantauan serta sebagai input kepada perancangan organisasi.<br>Lokasi penemuan : Kolej Kediaman Sultan Alaeddin Sulaiman Shah                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | Kolej Kediaman Sultan Alaeddin Sulaiman Shah |
| OFI-17  | 9.1.2          | <b>PENILAIAN PRESTASI / KEPUASAN PELANGGAN</b><br><br>Proses mengenalpasti serta analisis tahap kepuasan pelanggan ada dijalankan. Namun demikian, proses ini boleh ditambah baik dengan mengenalpasti pendekatan-pendekatan yang lebih efektif untuk meningkatkan kadar respon buat analisis yang lebih 'representative'.<br>Lokasi penemuan : Kolej Kediaman Sultan Alaeddin Sulaiman Shah                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      | Kolej Kediaman Sultan Alaeddin Sulaiman Shah |
| OFI-18  | 7.5            | <b>SOKONGAN / MAKLUMAT DIDOKUMENTASIKAN</b><br><br>Aktiviti-aktiviti di Pusat Pengimejan Diagnostik Nuklear adalah merujuk kepada garis panduan-garis panduan yang telah dibangunkan pusat. Garis panduan-garis panduan ini boleh di perkemaskini dan dibangunkan sebagai maklumat didokumentasikan pusat.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | Pusat Pengimejan Diagnostik Nuklear          |
| OFI-19  | 8.5.1 (PPA)    | <b>Kawalan penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan</b><br><br>Garis Panduan Permohonan Data menyatakan bahawa permohonan akan diproses dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dan kaedah untuk memantau pelaksanaan garis panduan ini telah tersedia. Namun, kaedah pemantauan garis panduan ini boleh ditambahbaik seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>Justifikasi penolakan perlu dinyatakan di dalam panduan.</li> <li>Sebarang permohonan maklumat tambahan yang dilakukan setelah permohonan rasmi diterima perlu dirasmikan dan permohonan secara lisan perlu dielakkan.</li> <li>Membangun mekanisma yang memudahkan pemantauan tarikh surat, tarikh penerimaan surat, tempoh permohonan diproses dan tarikh maklum balas permohonan tersebut.</li> </ol> | Pusat Perhubungan Alumni                     |
| OFI-20  | 8.5.1 (BURSAR) | <b>Kawalan penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan</b><br><br>Secara umumnya hanya terdapat dua (2) kategori pendaftaran vendor di dalam system My Vendor iaitu aktif (active) dan tidak aktif (inactive). Permohonan pendaftaran vendor yang tidak lengkap/vendor yang belum melakukan pengesahan selepas semakan dokumen oleh Bursar akan dikategorikan sebagai tidak aktif.<br>Sehubungan dengan itu, pendaftaran vendor yang tidak lengkap ini dicadang untuk dikategorikan semula sebagai "incomplete"/atau kategori yang sesuai supaya tidak termasuk dalam kategori "tidak aktif".<br>Oleh kerana sistem My Vendor dalam perubahan proses kepada MyPutra, cadangan boleh di implimentasikan.                                                                               | Pejabat Bursar                               |



| NO. OFI | KLAUSA        | PENYATAAN OFI                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              | PTJ TERLIBAT / LOKASI AUDIT                      |
|---------|---------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------|
| OFI-1   | 8.3           | <p>Penguraian risiko keselamatan maklumat</p> <p>Organisasi telah melaksanakan rancangan penguraian risiko keselamatan maklumat setelah pentaksiran risiko dilaksanakan seperti yang dirancang dengan menggunakan sistem MyRAM. Namun begitu, rancangan penguraian risiko 'Treatment' yang dinyatakan dan direkodkan dalam RTP boleh disemak semula bagi melihat keberkesanan tindakan yang telah diambil.</p>                                             | Pusat Jaminan Kualiti                            |
| OFI-2   | 8.1           | <p>Perancangan dan kawalan operasi</p> <p>A.8.1.1 Inventori Aset</p> <p>Beberapa komputer/laptop telah digunakan semasa hari pendaftaran pelajar baru bagi tujuan proses pendaftaran di kolej menggunakan sistem SMP. Pihak kolej telah memberikan maklumat aset tersebut kepada iDEC untuk persediaan proses pendaftaran.</p> <p>Walaubagaimanapun, senarai aset yang terlibat boleh direkodkan bagi tujuan semakan di peringkat kolej masing-masing.</p> | <p>Kolej Pendeta Za'ba</p> <p>Kolej Canselor</p> |
| OFI-3   | 8.2           | <p>Pentaksiran risiko keselamatan maklumat</p> <p>Pentaksiran risiko keselamatan maklumat boleh ditambah dengan mengambilkira isu yang berkaitan penggunaan email yang menggunakan perkongsian kata laluan. Kawalan keselamatan bagi isu ini juga boleh dilihat semula untuk penambahbaikan berterusan.</p>                                                                                                                                                | Pejabat Penasihat Undang-undang                  |
| OFI-4   | 8.1 – A.8.2.3 | <p>Perancangan dan kawalan operasi Pengendalian aset</p> <p>Laporan Penilaian Pengajaran yang berklasifikasi Sulit, dihantar melalui e-mel kepada pensyarah. Namun penghantaran laporan tersebut boleh ditambahbaik supaya laporan yang dilampirkan dalam e-mel tersebut mempunyai kawalan/perindungan sewajarnya.</p>                                                                                                                                     | Fakulti Pengajian Pendidikan                     |
| OFI-5   | A.9.2.6       | <p>Penyingkiran atau pelarasan hak akses</p> <p>Berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Identiti (UPM/ISMS/SOK/GP07/IDENTITI), penamatan ID perlu dibuat dengan segera bagi pengguna tertentu. Namun demikian, organisasi boleh menyemak semula proses ini supaya proses nyahaktif ID SMP dilaksanakan dalam tempoh masa yang sesuai.</p>                                                                                                                     | Kolej Sri Rajang, UPM Kampus Bintulu             |
| OFI-6   | A.11.2.4      | <p>Penyenggaraan peralatan</p> <p>Penyelenggaraan berkala bagi sistem SMP, TA dan iGiMS telah dilaksanakan setiap 3 bulan. Beberapa item dalam Checklist Penyelenggaraan Berkala tersebut boleh ditambahbaik supaya mengandungi threshold / jangkaan keputusan bagi senarai semak tersebut. (Sebagai contoh, pengukuran kapasiti merekodkan 28% - boleh dinyatakan threshold 90% dalam checklist tersebut)</p>                                             | iDEC                                             |



PTJ belum hantar maklumbalas tindakan (OFI QMS):

- PPUU
- PSP
- FP
- PPPA
- Pejabat Bursar

PTJ belum hantar maklumbalas tindakan (OFI ISMS):

- PPUU
- Kolej Sri Rajang, UPMKB

Data dikemaskini sehingga  
13 Disember 2024

2024



**UPM**  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
BERILMU BERBAKTI

**PUTRA**  
PERTANIAN UNTUK RAKYAT

## QMS

|     | TELAH<br>BERI<br>MAKLUM<br>BALAS | BELUM<br>BERI<br>MAKLUM<br>BALAS | JUMLAH |
|-----|----------------------------------|----------------------------------|--------|
| NCR | 148                              | 8                                | 156    |
| OFI | 252                              | 32                               | 284    |

Belum beri maklum balas:

NCR:

FBMK

iPUTRA

INTROP

PIU

TNCHEPA

OFI:

FBMK

IKP

iPUTRA

INTROP

PIU

PPUU

PUPM

## ISMS

|     | TELAH<br>BERI<br>MAKLUM<br>BALAS | BELUM<br>BERI<br>MAKLUM<br>BALAS | JUMLAH |
|-----|----------------------------------|----------------------------------|--------|
| NCR | 3                                | 0                                | 3      |
| OFI | 29                               | 3                                | 32     |

Belum beri maklum balas:

OFI:

FPP

Data dikemaskini sehingga  
13 Disember 2024



# 2023

## QMS

|     | TUTUP     | BELUM<br>TUTUP | JUMLAH |
|-----|-----------|----------------|--------|
| NCR | 202 (99%) | 2              | 204    |
| OFI | 289 (94%) | 18             | 307    |

Penemuan belum tutup:

**NCR:**  
**BUR**  
**FPSK**

**OFI:**  
**BAKD**  
**FSTM – dalam tempoh**  
**iPUTRA**  
**PPKKP – dalam tempoh**  
**PSPK – dalam tempoh**  
**PUPM**  
**WAZAN – dalam tempoh**

## ISMS

|     | TUTUP     | BELUM<br>TUTUP | JUMLAH |
|-----|-----------|----------------|--------|
| NCR | 11 (100%) | 0              | 11     |
| OFI | 13 (87%)  | 2              | 15     |

Penemuan belum tutup:

**OFI:**  
**UPMKB**

Data dikemaskini sehingga  
 13 Disember 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti kali ke-61 diminta mengambil makluman dan perhatian:

- 1. Pelaksanaan audit SIRIM QMS dan ISMS tahun 2024** yang telah dilaksanakan pada 14 sehingga 23 Oktober 2024 dan UPM **berjaya mengekalkan pensijilan** ISO 9001:2015 dan ISO/IEC 27001:2013 dengan 1 laporan Ketakakuran (NCR) serta 20 Peluang Penambahbaikan (OFI) bagi audit QMS dan 6 OFI bagi audit ISMS;
- 2. Status maklum balas tindakan penemuan Audit Dalaman QMS dan ISMS bagi tahun 2024;** dan
- 3. Status penutupan penemuan Audit Dalaman QMS dan ISMS bagi tahun 2023.**



Pertanian • Inovasi • Kehidupan  
**Berilmu Berbakti**

Terima Kasih